



Memartabatkan
INTEGRITI sebagai **BUDAYA** dalam
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



▶ PROGRAM GERAKAN REVOLUSI ANTI RASUAH (GERAH)



8 'Executive Talk'
INTEGRITI PEMACU ORGANISASI
BERPRESTASI TINGGI

14 LAWATAN MENGEJUT
KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT



▶ LARANGAN MEROKOK
DI PREMIS KERAJAAN

▶ AGENSI KAUNSELING
DAN PENGURUSAN
KREDIT (AKPK)

"CEPAT DAN MESRA"



KANDUNGAN

BULETIN INTEGRITI



3 KATA-KATA ALUAN YAS KETUA PENGARAH
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

4 TINTA KETUA EDITOR

5 MESYUARAT URUSETIA-URUSETIA LEMBAGA TATATERTIB BIL. 1 TAHUN 2017



6 MESYUARAT JAWATANKUASA INTEGRITI
DAN TADBIR URUS

7 MESYUARAT KOR SIASATAN INTEGRITI (KSI)
BIL. 1 TAHUN 2017

8 'Executive Talk' - INTEGRITI PEMACU
ORGANISASI BERPRESTASI TINGGI

9 BENGKEL INTEGRITI DAN TATATERTIB URUS SETIA LEMBAGA TATATERTIB

10 NAZIRAN PEMATUHAN INTEGRITI DAN TATATERTIB (NPITT)

11 PROGRAM CERAMAH SAYANGI DIRI ANDA

13 PROGRAM GERAKAN REVOLUSI ANTI RASUAH (GERAH)



14 LAWATAN MENGEJUT KE
BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT

15 MESYUARAT PELAKSANAAN PENGURUSAN
RISIKO RASUAH /CORRUPTION RISK
MANAGEMENT BIL 1/2017

16 ANALISA TATATERTIB - JENIS KETIDAKHADIRAN BERTUGAS

17 SEKSYEN PENGUKUHAN INTEGRITI DAN
PENGURUSAN ADUAN

18 LARANGAN MEROKOK DI PREMIS KERAJAAN

19 AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK)



Unit Integriti,
Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Lebuhr Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya
Telefon : 03 - 8892 7600
Faks : 03 - 8888 0829
Laman Web : www.bomba.gov.my
E-Mail : integriti.bomba@1govuc.gov.my

Kata-Kata Aluan

YAS KETUA PENGARAH, JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



*“I am not bound to be true,
I am not bound to succeed,
but I am bound
to live by light that I have.
I must stand with anyone
who stand right,
stand with him while he is right
and part with him when
he goes wrong.”*

Abraham Lincoln

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, selamat sejahtera dan Salam Integriti.

Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia-Nya, maka Buletin Integriti Edisi Pertama Tahun 2017 berjaya diterbitkan. Saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Unit Integriti yang telah berusaha untuk menerbitkan buletin yang mempunyai pengisian tersendiri yang kreatif dan inovatif dalam usaha memperkasakan Integriti dalam Jabatan ini.

Dalam konteks pengurusan dan tadbir urus organisasi, pembudayaan integriti memerlukan kefahaman dan kesedaran bahawa etika tersebut mestilah diamalkan dan pengabaianya akan membawa kerosakan bukan sahaja kepada diri sendiri tetapi juga kepada orang lain dan organisasi.

Integriti dapat dipupuk dan dimantapkan melalui peringatan bahawa tugas adalah amanah, tindak tanduk individu dipantau melalui konsep ihsan, konsep pengetahuan dan penyaksian Allah S.W.T. tidak ada batasan waktu dan tempat. Di samping itu, konsep mahabbah atau kasih sayang di kalangan warga Jabatan hendaklah diterapkan supaya kita mengamalkan sikap mengambil berat antara satu sama lain.

Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada warga Jabatan keseluruhan yang telah berusaha bersama-sama Jabatan dalam memartabatkan dan memperkukuhkan nilai Integriti dan berharap melalui buletin ini dapat mengingatkan warga Jabatan dari pelakuan jenayah rasuah, penyelewengan dan salahguna kuasa.

Akhir kalam, saya berharap dengan pelbagai usaha yang giat dilaksanakan oleh jabatan melalui Unit Integriti, tahap integriti di kalangan pegawai jabatan dapat dipertingkatkan seiring dengan hasrat jabatan untuk menjadi sebuah Organisasi Berprestasi Tinggi.

Sekian terima kasih.

DATUK WIRA HJ. WAN MOHD NOR BIN HJ. IBRAHIM
Ketua Pengarah,
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia



Tinta KETUA EDITOR

S I D A N G EDITORIAL

Assalamualaikum W.B.T.
Salam Sejahtera, Salam Negaraku
Malaysia dan Salam Integriti.

Bersyukur kita ke hadrat Ilahi di atas limpah rahmatNya dan kurniaNya maka dapatlah Unit Integriti meneruskan kesinambungan dalam menerbitkan Buletin Integriti Edisi Pertama bagi Tahun 2017.

Sekalung tahniah dan syabas saya rakamkan kepada semua warga JBPM di atas segala usaha, inisiatif, komitmen dan kesungguhan dalam memartabatkan Integriti di dalam bidang tugas seharian semasa melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

Buletin Integriti sebagai pemangkin untuk menerapkan lagi nilai-nilai murni kepada semua warga Jabatan dalam usaha Jabatan menjadikan sebuah organisasi yang bebas dari salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah.

Unit Integriti akan terus mengadakan pelbagai program berbentuk pencegahan, pematuhan dan pengukuhan kepada warga jabatan bagi meningkatkan nilai-nilai integriti dikalangan warga jabatan. Pelaksanaan program tersebut merupakan usaha berterusan yang dilakukan oleh Unit Integriti untuk memastikan pegawai jabatan sentiasa menghayati dan mengamalkan nilai-nilai integriti dalam diri pegawai dan kakitangan, ibarat pepatah Inggeris ada menyatakan bahawa *"Doing The Right Thing, Without People watching"*.

Bak kata bidalan ini:

*"Cupak pepat gantang piawai,
Hukum adil berkata benar,
Tidak boleh berpihak-pihak,
Tidak menyimpang kiri kanan,
Condong jangan ke mari rebah,
Lurus menatang baris adat,
Lurus benar di pegang sungguh-sungguh"*

Sekian, terima kasih.

NORIZAN SULAIMAN
Ketua Unit Integriti, JBPM

Penaung

YAS Datuk Wira Hj. Wan Mohd Nor Bin Hj. Ibrahim
Ketua Pengarah
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Penasihat

YAS Dato' Hj. Soiman Bin Jahid
Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

YAS Dato' Hj. Amer Bin Hj. Yusof
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

Ketua Editor

PPJB Norizan Bin Hj. Sulaiman
Ketua Unit Integriti

Editor

PgKB I Ismail Bin Yasin
Encik Mohd Faruqi Bin Badron
PgKB II Aswadi Bin Hj. Ismail

Penulis

PgKB II Abdul Malik Bin Zainuddin
PKPgB Mohd Azuan Bin Abu Hassan
Puan Shahrinas Binti Abd Malek
Puan Norezan Binti Idris
Cik Nor Ermalina Binti Zubir

Jurugambar

Encik Patrick Jelai Jali

Penerbit

Unit Integriti
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

*“Bulat air kerana pembentung,
bulat manusia kerana muafakat”*

MESYUARAT URUSETIA-URUSETIA LEMBAGA TATATERTIB BIL. 1 TAHUN 2017

Mesyuarat ini telah diadakan pada 13 Januari 2016, di mana YAS Datuk Wira Hj. Wan Mohd Nor bin Hj. Ibrahim selaku Pengerusi Lembaga Tatatertib Jabatan serta Timbalan Ketua Pengarah (Operasi) dan Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) dapat berjumpa dan meluangkan masa dengan semua Urus Setia Lembaga Tatatertib Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Negeri-Negeri.

Perjumpaan ini dijadikan platform sebagai wadah dan wacana separa formal untuk peningkatan kefahaman dan pelaksanaan integriti dan tatatertib dalam Jabatan. Pengerusi mesyuarat menyatakan hasrat agar setiap Urus Setia Lembaga Tatatertib memastikan pengurusan kes-kes tatatertib dalam Jabatan lancar dan mengurangkan kesilapan prosedur bagi memastikan hala tuju Jabatan sebagai satu Jabatan yang berprestasi tinggi tercapai. Penekanan dan perhatian serius turut perlu ditekankan oleh urusetia di peringkat negeri terutamanya dalam setiap perkara melibatkan tatacara perolehan.





YAS Datuk Wira
Ketua Pengarah serta
Pengurusan Tertinggi
Jabatan memberi
komitmen dalam
menjayakan
mesyuarat ini.

MESYUARAT JAWATANKUASA INTEGRITI DAN TADBIR URUS

Dalam meneruskan kesinambungan usaha Jabatan ke arah memantapkan lagi tadbir urus jabatan dalam memperkasakan integriti, Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus Bil. 1 tahun 2017 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diadakan pada 2 Mac 2017 di Bilik Mesyuarat Tanjung, IP JBPM Putrajaya.

Mesyuarat ini menjadi satu medium dalam membincangkan hal-hal yang berkaitan dengan tadbir urus Jabatan serta perkara yang berkaitan dengan integriti serta menyelesaikan permasalahan yang wujud di peringkat Ibu Pejabat dan juga peringkat Negeri.

Perkara-perkara yang dibangkitkan adalah berteraskan kepada 6 terma rujukan iaitu dasar dan perundangan, sistem dan prosedur penyampaian perkhidmatan, tindakan pengesanan, punitif dan pemulihan, pembudayaan nilai-nilai murni dan kod etika, pengurusan pelanggan, membina permuafakatan dengan pihak berkepentingan.



Wakil-wakil Bahagian yang hadir dalam membincangkan perkara-perkara berkaitan tadbir urus dan Integriti Jabatan.



Semua ahli mesyuarat memberi pandangan dan komitmen dalam menjayakan mesyuarat ini.

MESYUARAT KOR SIASATAN INTEGRITI (KSI) BIL. 1 TAHUN 2017



Mesyuarat Kor Siasatan Integriti Bil. 1 Tahun 2017 telah diadakan pada 16 Mei 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Tanjung. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh PPjB Norizan bin Hj. Sulaiman selaku Ketua Unit Integriti dan dihadiri oleh seramai 27 orang pegawai Kor Siasatan Integriti.

Pelbagai perkara telah dibincangkan merangkumi peranan dan tanggungjawab KSI, laporan-laporan siasatan serta peraturan-peraturan/surat edaran Jabatan yang berkuatkuasa.

Setiap ketua seksyen dalam Unit Integriti telah membentangkan isu berkaitan seksyen masing-masing, di mana PgKB 1 Ismail bin Yasin telah membentangkan berkaitan deraf Perintah Tetap Ketua Pengarah Prosedur Siasatan Integriti. Seksyen Pengesanan, Pengesanan dan Tatatertib yang diketuai oleh En. Mohd Faruqi bin Badron telah membentangkan Statistik Tatatertib Jabatan dari tahun 2012 hingga 2017. PgKB II Aswadi bin Ismail pula selaku Ketua Seksyen Pengurusan Aduan dan Pengukuhan Integriti telah membentangkan berkaitan Pegurusan Aduan Jabatan.





Program 'Executive Talk' Bertajuk **INTEGRITI PEMACU ORGANISASI BERPRESTASI TINGGI**

Unit Integriti telah mengadakan Program 'Executive Talk' bertajuk Integriti Pemacu Organisasi Berprestasi Tinggi pada 23 Mac 2017 (Khamis) bertempat di Dewan Galeria, Ibu Pejabat, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia Putrajaya yang telah disampaikan oleh YBhg. Prof. Khaeruddin Bin Sudharmin dari Senior Research Fellow, School of Management, AeU Panel Penasihat & Profesor Adjung OYAGSB UUM dan telah dihadiri 150 orang peserta terdiri daripada pengurusan tertinggi dan sokongan termasuklah Ketua Pengarah JBPM, YAS Datuk Wira Hj. Wan Mohd Nor Bin Hj Ibrahim, Ketua-ketua Bahagian, Pengarah-pengarah Bomba Negeri, Komandan, Akademi, pegawai-pegawai kanan serta kakitangan JBPM.

Program ini dilaksanakan bertujuan meningkatkan keintegritian di kalangan pegawai dan kakitangan JBPM dalam menjadi pendorong untuk memacu jabatan ke arah organisasi berprestasi tinggi seterusnya menjadi organisasi yang berdaya saing serta berkebolehan dan kekal mampan.

Memetik kata-kata YBhg. Prof. Khaeruddin Bin Sudharmin berkaitan HPO iaitu "Sebuah organisasi yang mengutamakan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang dan berkesan dengan menjadi lebih cekap daripada kebiasaannya serta melangkaui ekspektasi pelanggan dan 'stakeholders' melalui modal insan yang berkompeten dan berkualiti tinggi. Organisasi ini sentiasa fleksibel dan responsif terhadap perubahan persekitaran melalui inovasi dan transformasi untuk terus kekal mampan dan relevan dalam konteks sektor awam Malaysia".

Justeru itu adalah diharapkan agar program ini dapat memberi input-input positif kepada pegawai untuk memacu jabatan menjadi sebuah organisasi berprestasi tinggi seperti yang dihasratkan oleh YAS Ketua Pengarah JBPM.



BENGGKEL INTEGRITI DAN TATATERTIB URUS SETIA LEMBAGA TATATERTIB

Bagi memastikan urusan tatatertib dapat dibuat dengan cepat, tepat dan berkesan serta mengikut prosedur yang ditetapkan, Bengkel Integriti dan Tatatertib Urus Setia Lembaga Tatatertib di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia Wilayah Timur telah diadakan pada 27 hingga 29 Mac 2017 dimana seramai 40 orang *desk officer* tatatertib dan urus setia tatatertib dari semua JBPM Negeri telah terlibat.

Para peserta telah didedahkan dengan penyediaan dokumen-dokumen tatatertib dan dokumen sokongan yang diperlukan bagi melicinkan urusan tatatertib dan pelaksanaan hukuman di Jabatan.

Penceramah bagi bengkel ini adalah Encik Norazmi bin Mohd Narawi, Penasihat Undang-Undang, Jabatan Perkhidmatan Awam, Puan Ilyani binti Md Razak, Ketua Penolong Pengarah, Urus Setia Laporan Ketua Audit Negara & Operasi Khas, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Encik Mohamad Nawwar Faiq bin Mohamad Noh, Penolong Setiausaha Bahagian Naik Pangkat dan Tatatertib, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.





NAZIRAN PEMATUHAN INTEGRITI DAN TATATERTIB (NPITT) DI JBPM NEGERI PERLIS & JBPM KUALA LUMPUR

Seksyen Pengesanan, Pengesanan dan Tatatertib, Unit Integriti telah menjalankan Naziran Pematuhan Integriti dan Tatatertib (NPITT) di JBPM Negeri Perlis pada 22 – 23 Mei 2017 dan JBPM Kuala Lumpur pada 6 – 7 Jun 2017.

Naziran ini diadakan bertujuan untuk melihat pematuhan terhadap prosiding dan prosedur tatatertib yang digariskan dalam Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, Peraturan-Peraturan Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Awam 1993 dan peraturan-peraturan perkhidmatan awam serta peraturan-peraturan dalaman Jabatan yang sedang berkuatkuasa.

Pasukan Naziran turut mengambil peluang meninjau pelaksanaan arahan penggunaan KPW (Kad Perakam Waktu) dengan merujuk kepada Surat Pekeliling Am Bil. 11 Tahun 1981, yang telah dipanjangkan ke balai-balai bertarikh 3 Januari 2014 melalui arahan YAS Ketua Pengarah serta melihat pelaksanaan Sistem Kawalan Akauntabiliti

dan Integriti (SKAI) dengan merujuk arahan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 1 Tahun 2016 berkuatkuasa 29 Januari 2016.

Naziran ini juga dijalankan untuk mendidik, menasihati dan merundingkan pendekatan terbaik yang boleh diambil oleh setiap JBPM Negeri yang telah dipilih. Laporan ini juga telah dipanjangkan untuk makluman YAS Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

Naziran ini diketuai oleh Encik Mohd Faruqi bin Badron selaku Ketua Seksyen Pengesanan, Pengesanan dan Tatatertib dan dibantu oleh Puan Shahrinas binti Abd Malek dan Cik Noor Ermalina binti Zubir.



PROGRAM CERAMAH SAYANGI DIRI ANDA

Unit Integriti JBPM dengan kerjasama Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia (AADK) telah melaksanakan satu program ceramah bertajuk Sayangi Diri Anda bertempat di Dewan Galeria Ibu Pejabat JBPM Putrajaya pada 25 Mei 2017.

Program yang bermula jam 9.00 pagi itu melibatkan seramai 84 orang Pegawai Bomba dan kakitangan Ibu Pejabat JBPM. Ketua Unit Integriti PPJB Norizan bin Hj Sulaiman telah menyampaikan kata-kata aluan sebelum sesi ceramah dimulakan. Ceramah telah disampaikan oleh Puan Rosmawati binti Ibrahim Pegawai Kanan Agensi Antidadah Kebangsaan Malaysia (AADK) Putrajaya. Program tersebut juga dihadiri oleh Encik Faizal bin Abdul Razak Wakil AADK Ibu Pejabat.



PPJB Norizan bin Hj Sulaiman menyampaikan kata-kata aluan

Objektif program tersebut adalah memastikan tempat kerja bebas dadah dan mencegah Pegawai Bomba dari terlibat dengan dadah. Di dalam sesi ceramah tersebut telah dibangkitkan isu berkaitan perundangan Akta Dadah Berbahaya, fungsi dan peranan AADK, jenis-jenis dadah, cabaran isu dadah dan isu-isu semasa berkaitan penyalahgunaan dadah dan mencegah penjawat awam daripada terlibat dadah.



Puan Rosmawati binti Ibrahim



Pegawai Bomba dan kakitangan tekun mendengar ceramah yang disampaikan



Para pegawai dan kakitangan sedang menjalani saringan air kencing

Program saringan air kencing turut diadakan yang melibatkan seramai 64 orang pegawai dan kakitangan termasuk pegawai dari AADK seramai 13 orang. Hasil saringan tersebut mendapati semua pegawai dan kakitangan didapati negatif dadah. Program seumpama ini akan diteruskan lagi dari masa ke semasa dalam memastikan tempat kerja bebas dadah.



Puan Rosmawati binti Ibrahim menyampaikan ceramah "Sayangi Diri Anda"



Unit Integriti JBPM bergambar bersama-sama pegawai Agensi Antidadah Kebangsaan.

Program GERAKAN REVOLUSI ANTI RASUAH (GERAH)



Pada 5 Jun 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Tanjung, Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia telah diadakan satu Program Gerakan Revolusi Anti Rasuah (GERAH) yang dianjurkan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Dalam program tersebut, YBhg. Datuk Zulkifli Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia bersama dengan rombongannya telah disambut oleh YAS Datuk Wira Hj Wan Mohd Nor bin Hj Ibrahim Ketua Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan Pengurusan Tertinggi JBPM. Antara aturcara yang berlangsung adalah ucapan dari YBhg KP SPRM sempena kempen "SPRM dan Masyarakat" dan disusuli ucapan balas YAS Ketua Pengarah JBPM serta agihan poster kempen anti rasuah "SPRM dan Masyarakat". Acara agihan bubur lambuk turut diadakan yang disampaikan YBhg. KP SPRM kepada Pengurusan Tertinggi JBPM. Majlis seterusnya diakhiri dengan sesi bergambar KP SPRM bersama-sama delegasi dengan Pengurusan Tertinggi JBPM.



LAWATAN MENGEJUT KE BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT

Dalam tempoh Januari hingga Mei 2017, Unit Integriti telah melaksanakan 10 kali pemeriksaan mengejut di balai-balai di beberapa buah negeri. Antara balai-balai yang telah dilawati adalah BBP Wakaf Tapai, BBP Kuala Berang, BBP Marang, BBP Kuala Dungun, BBP Kemaman Terengganu, BBP Temerloh, BBP Karak Pahang, BBP Sungai Siput (Utara), BBP Kuala Kangsar dan BBP Tapah Perak.



Taklimat Integriti oleh PgKB I Ismail bin Yasin selaku Ketua Seksyen Tadbir Urus dan Pematuhan, Unit Integriti



Pegawai melakukan latihan penggunaan Breathing Apparatus (BA)



Panggilan baris oleh Pegawai Penyelia dengan Anggota yang bertugas sebelum melaporkan kekuatan anggota.



Ujian terhadap Pam Angkut Godiva bagi memastikan pam dalam keadaan baik untuk digunakan.



Pegawai Bomba menguji peralatan berenjin bagi memastikan peralatan dalam keadaan baik dan boleh digunakan

Bermula dengan ujian panggilan kecemasan atau "test call", panggilan baris serta pemeriksaan ketrampilan pegawai dan kelengkapan perlindungan diri (PPE), pemeriksaan persekitaran balai dan ruang pejabat serta keadaan jentera, dan mengadakan latihan penggunaan peralatan kebombaian dan

penyelamatan. Lawatan diakhiri dengan taklimat ringkas berkaitan integriti serta isu-isu semasa Jabatan yang disampaikan oleh Ketua Seksyen Tadbir Urus dan Pematuhan.

MESYUARAT PELAKSANAAN PENGURUSAN RISIKO RASUAH / CORRUPTION RISK MANAGEMENT BIL 1/2017



Mesyuarat Jawatankuasa Integriti Dan Tadbir Urus (JITU) Peringkat Kebangsaan yang diadakan pada 28 Jun 2016 yang dipengerusikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tadbir Urus dan Integriti) Datuk Paul Low Seng Kuan telah menyarankan setiap Kementerian melaksanakan pendekatan kaedah Penilaian dan Pengurusan Risiko Rasuah atau *Corruption Risk Management (CRM)*. Sehubungan itu, Jabatan melalui Mesyuarat JITU peringkat Jabatan telah bersetuju supaya satu pengurusan yang bercirikan anti rasuah iaitu Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) diwujudkan.

Sehubungan itu dalam menyediakan Pengurusan Risiko Rasuah atau *Corruption*

Risk Management (CRM) bagi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, satu mesyuarat pelaksanaan telah diadakan pada 12 Mei 2017 bertempat di Bilik Mesyuarat Tanjung yang telah dipengerusikan oleh YAS Dato' Hj Amer bin Hj Yusof Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan). Mesyuarat tersebut telah dihadiri oleh semua wakil-wakil Bahagian di dalam merangka dan seterusnya menyediakan *Corruption Risk Management (CRM)*. Bagi membantu menyediakan pelan tersebut, PKPj Salwa binti Hj Muharam iaitu Ketua Cawangan Anti Corruption & Ethics Centre (ACE), Bahagian Pemeriksaan & Perundingan, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia telah dijemput bagi memberikan taklimat ringkas tentang latarbelakang, objektif komponen, pendekatan dan *tool* yang digunakan dalam menyediakan CRM.



ANALISA TATATERTIB

Jenis Ketidakhadiran Bertugas

Tidak Hadir Bertugas 7 Hari Berturut-Turut Dan Tidak Dapat Dikesan

- Pegawai tidak hadir 7 hari bekerja berturut-turut dan usaha-usaha sewajarnya untuk mencari serta mengesan pegawai telah dilakukan.

Tidak Hadir Bertugas Dan Dapat Dikesan

- Pegawai tidak hadir sekurang-kurangnya 1 hari bekerja atau lebih secara berturut-turut atau berselang seli.

Tidak Hadir Bertugas : Pegawai Memalsukan Atau Meminda Sijil Cuti Sakit

- Pegawai didapati memalsukan atau meminda Sijil Cuti Sakit Swasta atau Kerajaan termasuklah pegawai yang memperoleh Sijil Cuti Sakit secara tidak sah.

Tidak Hadir Bertugas Pada Masa Dan Tempat Yang Ditetapkan (Ponteng Kerja)

Pegawai tidak hadir atau tidak berada pada masa, tempoh, tarikh dan tempat yang ditetapkan atau diarahkan dari semasa ke semasa.

STATISTIK TATATERTIB

Sehingga 30 April 2017, Lembaga-lembaga Tatatertib Jabatan di peringkat ibu pejabat dan negeri telah bersidang sebanyak 13 kali, menyelesaikan sebanyak 35 kes melibatkan pelbagai kesalahan dan pelanggaran tatatertib. Sebanyak 24 daripada kes tersebut adalah kes-kes yang dikendalikan oleh Ibupejabat JBPM dimana 13 pegawai telah dibuang kerja manakala 11 kes lagi telah dikendalikan di peringkat JBPM negeri seperti dalam jadual dibawah:

Statistik Kes Tatatertib Yang Telah Selesai Sehingga 30 April 2017

Bil.	Peringkat	2014	2015	2016	2017
1	Ibu Pejabat JBPM	70 (33 Buang Kerja)	70 (32 Buang Kerja)	58 (44 Buang Kerja)	24 (13 Buang Kerja)
2	JBPM Negeri	67	45	50	11
Jumlah		137	115	108	35

Ini adalah impak secara langsung kepada kesungguhan pengurusan tertinggi Jabatan dan Urus Setia Lembaga di Ibu pejabat dan JBPM negeri untuk membetulkan yang biasa dan membiasakan yang betul, dalam momentum yang lebih pantas dan berkesan.

Pihak Berkuasa Tatatertib Boleh Mengenakan Mana-Mana Satu Atau Apa-Apa Kombinasi Dua Atau Lebih Daripada Hukuman-Hukuman Di Bawah Peraturan 38, P.U.(A)395/1993 Seperti Berikut:

AMARAN

DENDA

LUCUT HAK EMOLUMEN

TANGGUH PERGERAKAN GAJI

TURUN GAJI

TURUN PANGKAT

BUANG KERJA

SEKSYEN PENGUKUHAN INTEGRITI DAN PENGURUSAN ADUAN

Pengenalan

Seksyen Pengukuhan Integriti dan Pengurusan Aduan memainkan peranan yang penting dalam mengendalikan sebahagian fungsi Unit Integriti iaitu menjalankan pengesanan dan pengesahan ke atas kes-kes aduan seperti aduan berkaitan perlesenan, perolehan, penguatkuasaan, pentadbiran, kewangan dan lain-lain sektor. Pengurusan aduan ini dikendalikan berpandukan MS ISO 9001-2008 – PS 30.

Kategori Kes Aduan


Berikut adalah kategori kes aduan yang diterima oleh Unit Integriti, JBPM. Berdasarkan kes aduan yang diterima dari tahun 2014 hingga ke 2016 adalah berkaitan perlesenan, perolehan, penguatkuasaan, pentadbiran, kewangan dan lain-lain sektor.

KOD / KATEGORI	KETERANGAN
1	Perlesenan
2	Perolehan
3	Penguatkuasaan
4	Pentadbiran
5	Kewangan
6	Lain-lain sektor

Analisa Kes Aduan yang Diterima bagi Tahun 2014 hingga 2016

Pada tahun 2016, Unit Integriti JBPM telah menerima sebanyak 47 kes aduan dari pelbagai sumber seperti melalui surat layang, surat menyurat rasmi, pengadu datang sendiri, emel, telefon, dan lain-lain. Jadual dibawah menunjukkan bilangan kes yang diterima dari tahun 2014 hingga 2016. Purata kes yang diterima setahun adalah sebanyak 49 kes.

TAHUN	2014	2015	2016	JUMLAH
Bilangan Kes	61	40	47	148



Sumber Aduan

Graf menunjukkan perbandingan sumber aduan dari tahun 2014 hingga 2016. Sumber aduan utama adalah daripada surat layang, surat menyurat rasmi, pengadu datang sendiri, emel, telefon / media massa dan lain-lain.




LARANGAN MEROKOK DI PREMIS KERAJAAN



Berdasarkan Senarai Kawasan Larangan Merokok yang diwartakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia pada tahun 2004 dan 2008, frasa “di mana-mana kawasan premis Kerajaan” telahpun dimasukkan ke dalam Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 [P.U.(A)324/2004] dan Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2008 [P.U.(A)315/2008]. Sesiapa yang didapati bersalah kerana melanggar peraturan ini boleh dikenakan tindakan undang-undang seperti didenda sehingga RM10,000 atau dipenjarakan sehingga dua tahun.

Oleh itu, semua Ketua jabatan adalah bertanggungjawab untuk memperingatkan pegawai masing-masing mengenai larangan merokok di mana-mana kawasan premis Kerajaan seperti yang diwartakan. Penjawat awam juga hendaklah diingatkan bahawa mereka boleh diambil tindakan sekiranya melanggar peraturan berkenaan.





AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK)

Agensi Kaunseling Dan Pengurusan Kredit (AKPK), ialah sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia pada bulan April 2006 untuk membantu individu menguasai situasi kewangan mereka dan mencapai ketenangan minda hasil daripada penggunaan kredit secara bijak.

Antara perkhidmatan AKPK adalah berikut:-



PENDIDIKAN KEWANGAN

AKPK menawarkan bahan berkaitan pendidikan kewangan tentang penggunaan kredit secara bijak serta asas pengurusan wang dan tanggung jawab dalam menguruskan kredit. Modul pendidikan AKPK berasaskan mengikut pendekatan kitaran hidup.



KAUNSELING KEWANGAN

AKPK menawarkan khidmat kaunseling kewangan. Kebolehan mengurus wang anda dengan bijak merupakan suatu kemahiran yang penting supaya anda boleh berbelanja mengikut kemampuan anda dan mencapai matlamat kewangan anda.



PROGRAM PENGURUSAN KREDIT

AKPK turut menawarkan program Pengurusan Kredit. Kawal semula kehidupan dan bebanan kredit anda menerusi program pengurusan kredit. Para kaunselor AKPK akan bekerjasama dengan anda untuk menyediakan pelan pembayaran semula pinjaman secara peribadi melalui rundingan dengan penyediaan perkhidmatan kewangan anda. AKPK tidak menyediakan pinjaman atau pembiayaan kewangan.

Program pengurusan kredit ini disediakan untuk semua individu yang memerlukan bantuan dalam mengurus bebanan kredit dengan institusi kewangan yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia, sekiranya:

- ① Anda mempunyai sumber pendapatan yang positif
- ① Jumlah pinjaman anda tidak melebihi RM2 juta
- ① Anda tidak berada di bawah tindakan undang-undang yang telah lanjut
- ① Anda tidak diisytiharkan sebagai "mufliis".

Sumber : Laman Web AKPK



"CEPAT DAN MESRA"

**SEDIA
MENYELAMAT**
999

Unit Integriti,
Ibu Pejabat Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia,
Lebu Wawasan, Presint 7, 62250 Putrajaya
Telefon : 03 - 8892 7600
Faks : 03 - 8888 0829
Laman Web : www.bomba.gov.my
E-Mail : integriti.bomba@1govuc.gov.my